



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

## TEKS UCAPAN

**YBHG. PROF. DR ZAITUN ABU BAKAR,  
ISTERI MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM INISIATIF MENSEJAHTERAKAN  
RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
– SENI PEMBUATAN SABUN**

**28 APRIL 2019 (AHAD)**

**DEWAN SERBAGUNA,  
PERBADANAN LABUAN, WP LABUAN**

**Salutasi (Akan diselaraskan pada hari program)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan  
Salam Sejahtera

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita semua berkumpul di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan pada hari ini bagi menjayakan satu lagi program di bawah Inisiatif Mensejahterakan Rakyat WP Labuan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan sejak 2016 lagi.

2. Saya amat berbesar hati dengan kehadiran peserta pada hari ini dan berharap agar program yang dibuat ini dapat memberi manfaat kepada puan-puan sekalian seterusnya membolehkan kemahiran ini diperaktikkan dan menjadi sumber pendapatan kepada diri sendiri dan keluarga.

## **PROGRAM INISIATIF MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WP LABUAN**

3. Untuk makluman puan-puan sekalian, Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat mula diperkenalkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan pada tahun 2016. Inisiatif ini merupakan langkah awal kerajaan dalam menangani kos sara hidup dan harga barang keperluan pengguna yang tinggi di WP Labuan. Selain itu, Inisiatif Mensejahterakan Rakyat, khususnya kepada warga WP Labuan ini juga merupakan usaha dalam menjadikan WP Labuan

sebagai sebuah pulau bebas cukai yang *vibrant*. Ini termasuklah mengukuhkan sektor agro pelancongan untuk dijadikan sumber ekonomi utama WP Labuan akibatnya dari kejatuhan harga minyak & gas dunia.

4. Oleh itu, pelbagai program telah diadakan ke arah memvibrantkan pulau Labuan seperti pelaksanaan Program *Labuan Go Green* yang melibatkan 30,000 pokok kelapa pelbagai varieti dan pokok buah-buahan tempatan sejak tahun 2016. Inisiatif ini adalah untuk menjadikan WP Labuan sebagai lokasi agro pelancongan bagi tempoh masa lima tahun akan datang. Pelaksanaan program ini dibuat dengan kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan, Jabatan Pertanian dan MARDI demi kesejahteraan seluruh penduduk Labuan. Selain dapat menambahkan pengindahan landskap pulau Labuan, hasil daripada penanaman pokok-pokok kelapa dan buah-buahan

tempatan ini juga dapat memenuhi keperluan harian rakyat Labuan.

5. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan juga berjaya membuat penambahan penerbangan ke Labuan oleh syarikat Malindo Air. Usaha ini juga adalah hasil dari buah fikiran Pasukan Petugas Khas Inisiatif Mensejahterakan Rakyat WP Labuan dalam menambahkan lagi *connectivity* dan cabang pengangkutan warga Labuan dan pelancong ke WP Labuan.

6. Pelaksanaan pelan tindakan inisiatif mensejahterakan rakyat WP Labuan ini juga telah membolehkan produk makanan laut sejuk beku dari WP Labuan didaftar masuk sebagai bagasi di Malindo Air. Ianya merupakan satu-satunya operator

penerangan yang membenarkan polisi ini dilaksanakan. Syukur alhamdulillah usaha ini telah merancakkan semula pertumbuhan ekonomi WP Labuan khususnya industri makanan laut sejuk beku yang sekaligus membantu meningkatkan semula pendapatan nelayan-nelayan tempatan dalam memasarkan hasil tangkapan laut mereka.

7. Inisiatif terkini Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan dalam usaha meningkatkan pendapatan komuniti adalah dengan memperkenalkan program perusahaan ikan bilis secara bagang dan program bubu emas. Rata-rata peserta yang mengikuti program ini telah berjaya memperoleh pendapatan yang lumayan malah memberikan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

## **PROGRAM SENI PEMBUATAN SABUN**

8. Pada hari ini satu lagi Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat WP Labuan diperkenalkan iaitu Seni Pembuatan Sabun (*Soap Making*). Program ini adalah usahasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan. Ribuan terima kasih kepada Yayasan Wilayah Persekutuan yang sudi berkolaborasi dengan kami pada hari ini untuk mengorak langkah dalam melahirkan usahawan-usahawan dalam kalangan rakyat Labuan. Yayasan Wilayah Persekutuan juga mempunyai pelbagai program keusahawanan dalam memberikan peluang kepada komuniti Wilayah Persekutuan meningkatkan pendapatan isi rumah sekaligus mampu memberi dan menikmati kehidupan yang lebih baik.

9. Bersesuaian dengan objektif program kita pada hari ini, iaitu memberi ilmu pengetahuan, berkongsi kemahiran serta teknik pembuatan sabun dengan kos yang rendah anda mampu menghasilkan sabun anda sendiri tanpa perlu membeli lagi. Program pembuatan sabun ini juga boleh menjadi sumber pendapatan dengan kreativiti masing-masing. Oleh itu, saya amat berharap agar semua peserta yang hadir pada hari ini dapat mempelajari serta mempraktikkan kemahiran yang dipelajari ini bukan sahaja sebagai salah satu cabang memperoleh pendapatan. Tetapi juga saya berharap agar produk sabun ini akan diangkat menjadi salah satu produk buah tangan kepada para pelancong di Labuan.

10. Untuk makluman, perniagaan pembuatan sabun kini semakin mendapat tempat dalam industri perniagaan. Sabun buatan sendiri ini amat popular di Kuala Lumpur dan Sarawak. Kebanyakan orang kini

lebih-lebih lagi golongan wanita lebih beminat untuk membeli barang kegunaan sendiri yang tiada bahan pengawet maupun bahan kimia. Jika barang yang dijual adalah berasaskan organik, lebih ramai para wanita yang berminat untuk mencuba dan membeli untuk kegunaan isi rumah mereka.

11. Kesemua usaha yang dibuat oleh Kementerian dan Perbadanan Labuan ini adalah selaras dengan *Blue Print* Pembangunan Labuan 2018 - 2030 yang dirangka untuk menjadikan Labuan sebagai sebuah bandar pulau yang mapan dan pintar dengan tumpuan terhadap dua bidang kritikal iaitu pembangunan ekonomi dan fizikal bagi mengubah landskap ekonominya.

## **PENUTUP**

12. Oleh itu saya berharap agar selepas program ini berakhir, pihak Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan akan terus memimpin tangan para peserta untuk meneruskan inisiatif ini seterusnya menjayakan matlamat yang diharapkan dalam melahirkan usahawan tempatan. Melalui usaha ini sekali gus dapat membantu mengubah struktur ekonomi golongan B40, suri rumah serta mereka yang masih tidak mempunyai pekerjaan untuk menjana pendapatan tambahan kepada keluarga walaupun hanya duduk di rumah.

13. Akhir kata, saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam

menjayakan Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat WP Labuan - Seni Pembuatan Sabun pada hari ini. Oleh itu, dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya dengan ini melancarkan Program Inisiatif Mensejahterakan Rakyat Wilayah Persekutuan Labuan - Seni Pembuatan Sabun 2019.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wassalamu'alaikum W.B.T.